

# PH yakin tewaskan UMNO di PRK Tanjung Piai

mls:3  
UM-8/10/2019

**PUTRAJAYA 7 Okt.** - Pakatan Harapan (PH) mahu Barisan Nasional (BN) meletakkan calonnya daripada UMNO untuk bertanding dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai bagi membolehkan mereka mempertahankan kerusi itu.

Pengerusi PH, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pihaknya yakin boleh menang dalam PRK itu jika UMNO yang bertanding.

“Kita banyak masalah di situ. Kita juga berpendapat bergantung kepada parti lawan untuk menang. Kita minta letak calon UMNO, tolonglah supaya kita boleh menang,” katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden PH di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Ketika ditanya mengapa beliau yakin PH menang jika UMNO bertanding, Dr. Mahathir berkata: “Adalah faktor-faktor yang tidak boleh diterangkan.”

Beliau juga menambah, calon masih belum dikenal pasti tetapi individu tersebut akan diwakili oleh Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu).

Sementara itu, Dr. Mahathir yang juga Perdana Menteri memberitahu, mesyuarat hari ini juga membincangkan secara panjang

Kita banyak masalah di situ. Kita juga berpendapat bergantung kepada parti lawan untuk menang. Kita minta letak calon UMNO, tolonglah supaya kita boleh menang.”

**MAHATHIR MOHAMAD**

lebar mengenai Belanjawan 2020 yang akan dibentangkan pada Jumaat ini.

“Terdapat pendapat berbeza-beza, ada sedikit perubahan dalam belanjawan dicadangkan, kita harap Menteri Kewangan ambil kira dan buat perubahan dalam membuat pengumuman nanti.

“Apa perubahan itu, tunggulah Jumaat ini,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, PH akan meneruskan dasar melantik mereka yang banyak berjasa kepada parti dan berkelayakan untuk memegang jawatan tertentu.

Beliau mengulas mengenai pelantikan Ahli Majlis Tertinggi Bersatu, Datuk Junaidah Kiting sebagai Pengerusi Lembaga Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) pada tahun lalu.